



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call. Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1968 > June > 27 > Page 5 > Dewan tolak usul binchang perkara Hassan Ibrahim



Dewan tolak usul binchang perkara Hassan Ibrahim

Berita Harian, 27 June 1968, Page 5

Share    

Save Citation

<< Previous Article Next Article >>

Dewan tolak usul binchang perkara Hassan Ibrahim

KUALA LUMPUR, Rabu.
DEWAN Undangan Negeri Selangor hari ini menolak perbahathan mengenai tindakan pegawai Daerah Ulu Langat, Enche Hassan Ibrahim merampas hasil tanaman2 di-tanah haram Sungai Limau Manis

dekat Perang Besar Estate pada 18 Jun lalu.

Perkara itu telah di-timbulkan oleh Enche S. Maniam (Per-Kuala Selangor) ketika membahathkan peruntukan tambahan sa-banyak \$8,475,239 tetapi telah di-tolak oleh beberapa orang anggota Perikatan yang lain termasuk Menteri Besar, Dato Harun Idris.

Enche Maniam berkata, Enche Hassan bertindak menchabut tanaman di-tanah yang dibuka oleh buroh2 India dari Padang Besar Estate itu.

Surat izin

Kata-nya: "Buroh2 India itu telah memohon tanah tersebut tiga tahun dulu dan telah di-timbangan oleh Kerajaan. Satu surat khas telah di-berikan kepada buroh2 itu.

"Tetapi malang-nya pada 18 Jun lalu, Enche Hassan telah membawa pekerja2 lembaga Bandaran Kajang merampas hasil tanaman2 mereka itu."

Sa-orang anggota Perikatan, Enche Sholb Haji Ahmad kemudian bangun dan menchelah:

"Perbahathan ini adalah untok memperkatakan tentang menjimatkan belanja—bukan mengenai tindakan itu."

Lagi di-siasat

Enche Maniam menjelaskan perkara itu juga menyentoh ekonomi penduduk negeri ini.

Enche Taiban Hassan (Perikatan-Sungai Besar) pula bangun dan berkata: "Perkara ini tidak ada kena mengena dengan perbahathan peruntukan tambahan itu dan lebeh baik jangan di-binchangkan sekarang."

Enche Maniam bangun semula tetapi se-halau

semua tetapi ia belum sempat menjelaskan lebih lanjut. Menteri Besar, Dato Harun memberikan penjelasan.

"Perkara tindakan Enche Hassan ini sedang di-siasat oleh Setiausaha Kerajaan Selangor sekarang. Kita belum tahu apa-kah tindakan yang di-lakukan oleh Pegawai Daerah itu. Oleh itu tidak-lah wajar kita membincangkan sesuatu yang belum kita ketahui fakta2-nya," kata beliau.

Tergempar

Sementara itu, pemberita kita di-Morib, Enche Shamsuddin Haji Taha melaporkan bahawa Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Sepang akan mengadakan mesuarat tergempar di-pejabat UMNO Bahagian Kajang pukul 3 petang 29 Jun ini untuk membincangkan selisih faham antara dua orang wakil

ra'ayat—Raja Nongchik dan Enche Lee Siok Yew dengan Enche Hassan itu.

Surat keliling kepada ahli2 jawatankuasa Pergerakan itu telah pun diterbitkan untuk memberitahu tarikh dan tempat mesuarat tersebut.

Raja Nongchik yang juga menjadi Ketua UMNO Bahagian Sepang akan hadir dalam mesuarat tersebut.

Kelmarin, UMNO Bahagian Sepang sendiri telah membuat satu rayuan kepada Menteri Besar, Dato Harun Idris supaya menukarkan Enche Hassan ka-tempat lain.





ENCHE HASSAN



ENCHE SHOIB

NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#)
[Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31